

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA - PAS]**

TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN (NO. 12)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah kaedah perolehan yang telah dilaksanakan oleh KBS bagi perkhidmatan dan perbekalan program penganjuran hari Belia Negara bagi tahun 2012, 2013 dan 2014.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2012 dan 2013, Kementerian Belia dan Sukan telah membuat perolehan secara rundingan terus. Pelantikan tersebut adalah lanjutan daripada keputusan Jemaah Menteri pada 23 Mac 2012. Pelantikan secara rundingan terus telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan masing-masingnya pada 9 Mei 2012 dan 17 Mei 2013.
2. Manakala pada tahun 2014 pula, perolehan dibuat secara tender terbuka melalui kaedah eBidding.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]

TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

PR-1322-L63247

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan anggaran peratusan hakisan pantai di negeri Johor Darul Takzim sepanjang 492 kilometer dan apakah program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan untuk menangani masalah hakisan pantai terutamanya di kawasan Parlimen Parit Sulong.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dianggarkan hakisan sebanyak 47% telah berlaku di keseluruhan pantai Johor yang sepanjang 492 km. Kawasan hakisan yang terlibat terbahagi kepada tiga jenis kategori hakisan iaitu kategori 1 (Kritikal) sepanjang 29 km, kategori 2 (Ketara) sepanjang 50km dan kategori 3 (Belum Serius) sepanjang 156km. Bagi kategori kritikal terdapat dua kawasan hakisan yang terlibat di Parlimen Parit Sulong iaitu Pantai Senggarang dan Pantai Tanjung Piai.

Masalah hakisan pantai ini disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya ialah:

- 1) Perubahan cuaca yang menyebabkan peningkatan angin dan kekuatan ombak; dan
- 2) Peningkatan aktiviti ekonomi seperti perkapalan yang mana ombak akibat laluan kapal memukul pantai dan menyebabkan hakisan berterusan.

Antara tindakan jangka pendek yang diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) dalam menangani masalah hakisan ini adalah seperti berikut:-

- 1) Membina benteng penahan hakisan seperti lapis lindung batu (*rock revetment*), dinding konkrit jenis *wallguard*, pemecah ombak *geotube* dan lain-lain kaedah yang bersesuaian.

Pada masa ini terdapat dua projek bagi kerja-kerja Pencegahan Hakisan Pantai iaitu:

- (i) Kerja-kerja Pencegahan Hakisan Pantai di Pantai Senggarang, Mukim Minyak Beku, Batu Pahat yang sedang dalam proses tender. Projek tersebut dijangka akan dimulakan pada Julai 2014 hingga Disember 2015; dan
- (ii) Projek Mencegah Hakisan Pantai di Tanjung Piai yang telah ditender dan pembinaan dijangka akan bermula dalam masa terdekat.

Selain itu, kerja-kerja selenggara ban pantai telah dijalankan setiap tahun di kawasan yang terlibat.

- 2) Bagi tindakan jangka panjang, JPS telah menyiapkan satu Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu (*Integrated Shoreline Management Plan - ISMP*) Negeri Johor yang merangkumi pantai dari Tanjung Piai, Pontian hingga ke Sungai Kesang, Muar. Pelan ini wajar dijadikan rujukan utama kepada JPS, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain agensi Kerajaan semasa meluluskan sebarang projek pembangunan di persisiran pantai agar pembangunan yang akan dijalankan tidak menjelaskan pantai dan menimbulkan masalah hakisan di kawasan berhampiran.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' KAMARUL BAHRIN BIN ABBAS

KAWASAN : TELOK KEMANG

TARIKH : 12 JUN 2014, KHAMIS

SOALAN:

YB. DATO' KAMARUL BAHRIN BIN ABBAS (TELOK KEMANG)

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) adakah kementerian berhasrat untuk melaksanakan penggunaan sistem teknologi Pengenalan Frekuensi Radio (RFID) bagi menggantikan Smart TAG selepas kajian selesai seperti yang dirancangkan; dan

- (b) apakah jaminan kementerian dalam memberikan harga yang seminimum RM10 bagi pengguna membeli sistem RFID berbanding Smart TAG, iaitu RM120.

JAWAPAN:

(a) dan (b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa kini masih sedang meneliti beberapa cadangan teknologi kutipan tol untuk mengurangkan masalah kesesakan di plaza-plaza tol di negara ini. Ini termasuklah mengkaji cadangan penggunaan sistem Pengenalan Frekuensi Radio (RFID) sebagai alternatif kepada Touch N Go dan peranti SmartTag bagi tujuan kutipan tol secara elektronik (ETC).

Namun demikian cadangan pelaksanaan RFID ini memerlukan persetujuan oleh semua pihak yang berkepentingan, termasuk pemegang konsesi lebuh raya. Sehubungan itu, Kerajaan masih lagi sedang meneliti secara terperinci aspek-aspek berkaitan teknikal dan perundangan yang berkaitan dengan sistem kutipan tol elektronik secara keseluruhan sebelum memutuskan pelaksanaan teknologi ETC yang bersesuaian, termasuk cadangan penggunaan sistem RFID.

Sekian. Terima kasih.